

PENGUMUMAN

PEJABAT JURUTERA DAERAH JABATAN KERJA RAYA DAERAH TIMUR LAUT PULAU PINANG

CABUTAN UNDI BIL.1/2014

Dimaklumkan bahawa Pejabat JKR, Daerah Timur Laut akan mengadakan Cabutan Undi Bil.1/2014 seperti berikut :-

Tarikh : 21 hb. Januari 2014 (Selasa)

**Masa : 9.00 Pagi : Berkumpul
9.15 Pagi : Taklimat Cabutan Undi
9.30 Pagi : Cabutan Undi
10.00 Pagi : Bersurai**

**Tempat : Dewan,
Jabatan Kerja Raya,
Daerah Timur Laut,
Pulau Pinang.**

1. Cabutan Undi bagi Perolehan Kerja Bil.1/2014 ini **HANYA** terbuka kepada :
 - (a) Kontraktor yang telah berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang untuk Cabutan Undi Tahun 2014.
 - (b) Kontraktor Gred G1 Kategori Bangunan dan Awam, Daerah Timur Laut yang masih sah tempoh laku pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan masih sah taraf Bumiputera dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
2. Kontraktor yang layak dan berminat untuk menghadiri cabutan undi ini **DIWAJIBKAN** membawa bersama perkara-perkara berikut :-
 - (a) Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang masih sah tempoh laku;
 - (b) Sijil ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh laku;
 - (c) Sijil ASAL Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang masih sah tempoh laku;
 - (d) Cop Syarikat terkini.

3. Undian projek hanya terbuka kepada Kontraktor/Pemilik yang **HADIR SENDIRI** untuk cabutan undi ini. Sekiranya kontraktor yang tidak hadir telah terpilih untuk mana-mana projek maka keputusan undian tersebut adalah terbatal secara automatik dan undian semula akan dibuat untuk memilih kontraktor baru.
4. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang ditetapkan dan syarat-syarat di atas akan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai Cabutan Undi tersebut.
Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
5. Sebarang pertanyaan berhubung Pendaftaran Kontraktor ini boleh dimajukan kepada Unit Ukur Bahan JKR Daerah Timur Laut, Pulau Pinang di talian 04-2831522 (Waktu Pejabat 8.00 Pagi – 5.00 Petang).

t.t.

(HAJI IBRAHIM BIN AHMAD)

Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya,
Daerah Timur Laut,
Pulau Pinang.